



MUHAMAD ZIKRIL AZAN (dua dari kanan) bersama anggota penguat kuasa memeriksa barang di Pasar Kajang.

**Kajang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mengesan sebanyak 737 kes membaikkan pelbagai kesalahan sepanjang pelaksanaan Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan (SKHMMMP) Hari Raya Puasa sehingga kelmarin.

Pengarahnya Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, dalam tempoh itu pihaknya sudah memeriksa sebanyak 28,473 premis sejak 21 Mei lalu.

Menurutnya, daripada jumlah kesalahan, sebanyak 51.96 peratus iaitu 383 kes dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

## Kesan 737 kes babit skim kawalan harga

"Nilai kompaun bagi AKHAP 2011 dikenakan tindakan adalah RM61,500 dan nilai rampasan RM95,613.80.

"Manakala kompaun keseluruhan atas pelbagai akta RM127,500 termasuk kes berkaitan berkaitan barang tiruan dan sebagainya.

"Nilai rampasan keseluruhannya RM14,534,016.32," katanya ketika diemui selepas membuat pemantau SKHMMMP Hari Raya Aidilfitri 2019 di Pasar Kajang, di sini, semalam.

Menurut Zikril, pihaknya akan melakukan pemantauan sepanjang tempoh pe-

laksanaan SKHMMMP Hari Raya Aidilfitri 2019 terbabit akan dilaksanakan selama 30 hari sehingga 19 Jun ini.

Katanya, langkah itu bagi memastikan barang kawalan mencukupi dan harganya mengikut peraturan ditetapkan.

"Pemantauan SKHMMMP diteruskan pada Pesta Keamatan di Sabah dan Sarawak pada 30 hingga 31 Mei ini dan Hari Gawai pada 1 hingga 2 Jun ini.

"Untuk itu, SKHMMMP Pesta Keamatan 2019 dilaksana bermula 25 Mei hingga 5 Jun depan," katanya.